

Kejadian buli siber dalam kalangan pelajar UTHM dan implikasi terhadap kemurungan

The Incident of Cyber Bullying Among UTHM Students and Implications On Depression

Arwansyah Kirin^{1*} & Cecep Soleh Kurniawan²

¹ usat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

*email: arwansyah@uthm.edu.my

Published: 29 December 2023

To cite this article (APA): Kirin, A., & Cecep Soleh Kurniawan. (2023). Kejadian buli siber dalam kalangan pelajar UTHM dan implikasi terhadap kemurungan. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(2), 53–64. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.2.6.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.2.6.2023>

Abstrak

Buli siber dan kemurungan merupakan gejala-gejala yang dihadapi oleh segelintir orang terutama dalam kalangan pelajar. Buli siber (*cyberbully*) adalah tindakan negatif yang dilakukan oleh seseorang atau kelompok tertentu secara memuatnaikkan gambar dan video ke akaun media sosial seseorang dengan bertujuan menyindir, menghina individu. Selain itu, kemurungan adalah gangguan perasaan seseorang yang merasa sedih dalam tempoh yang panjang, keletihan, cepat marah dan juga hilang minat dalam aktiviti harian. Jumlah kes jenayah siber telah meningkat kepada lebih 20,000 kes pada tahun 2021 manakala kemurungan diklasifikasikan sebagai gangguan psikologi yang mempunyai frekuensi keberlakuan yang paling tinggi di dunia. Masalah tersebut menyumbangkan pelbagai impak negatif dengan mempengaruhi kesihatan seseorang dari segi mental dan fizikal. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji kejadian buli siber dan implikasinya terhadap kemurungan dalam kalangan pelajar UTHM. Sampel kajian ini terdiri daripada 303 orang pelajar UTHM dan dianalisis secara deskriptif dan *Chi-Square*. Kajian ini mendapati bahawa kejadian buli siber dalam kalangan pelajar UTHM adalah pada tahap yang rendah dan tidak pernah iaitu dengan nilai min 1.65. Manakala tahap kemurungan pula hanya terjadi kadangkala iaitu dengan nilai min 2.59. Seterusnya, tindakan pelajar untuk mengatasi kemurungan mendapat jumlah min 3.82, hal ini membuktikan bahawa pelajar UTHM mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mengatasi kemurungan yang dialami. Terdapat hubungan antara siber buli dengan kemurungan dengan nilai $p = 0.0003$ dan nilai $OR = 0.497$ ertinya walaupun terdapat hubungan antara buli siber dan kemurungan namun peluang kemurungan yang dialami oleh pelajar UTHM disebabkan buli siber adalah rendah dan sedikit berbanding punca lain. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi sumbangan bermakna kepada perkembangan literatur dan ilmu pengetahuan terhadap penyelidik terutama kalangan pelajar.

Kata kunci: *Buli siber, UTHM Pagoh, Kemurungan*

Abstract

Cyberbully and depression are symptoms faced by a few people, especially among students. Cyberbully is a negative action carried out by a certain person or group by uploading pictures and videos to a person's social media account with the purpose of satirizing and insulting the individual. In addition, depression is a disorder in which a person feels sad for a long period of time, tired, irritable, and also loses interest in daily activities. The number of cybercrime cases has increased to more than 20,000 cases in 2021 while depression is classified as a psychological disorder that has the highest frequency of behavior in the world. These problems contribute to various negative effects on a person's health in terms of mental and physical. Therefore, this study was conducted to examine the incidence of cyberbully and its implications for depression among UTHM students. The sample of this study consisted of 303 UTHM students and was analyzed descriptively and Chi-Square. This study found that the incidence of cyberbully among UTHM students is at a low level and has never happened, with a mean value of 1.65. While the level of depression only occurs sometimes, with a mean value of 2.59. Next, students'

actions to overcome depression got a mean total of 3.82, this proves that UTHM students have a high awareness to overcome the depression experienced. There is a relationship between cyberbully and depression with a value of $p = 0.0003$ and an OR value = 0.497 meaning that although there is a relationship between cyberbully and depression, the chance of depression experienced by UTHM students due to cyberbully is low and little compared to other causes. Therefore, this study is expected to make a meaningful contribution to the development of literature and knowledge for researchers, especially students.

Keywords: *Cyberbully, UTHM Pagoh, Depression*

PENDAHULUAN

Dengan kemajuan teknologi, peranti digital dibangunkan dengan pantas. Pada masa kini, ramai orang menggunakan gajet seperti telefon pintar, tablet, dan komputer dalam kehidupan harian untuk pelbagai tujuan. Contohnya, mereka menggunakan gajet sebagai alat komunikasi dengan menghantar mesej atau panggilan video dengan orang lain, ada juga untuk hiburan seperti main game, merakam video, fotografi dan sebagainya. Selain itu, hampir kesemua lapisan masyarakat mempunyai sekurang-kurangnya satu alat komunikasi yang membolehkan mereka mendapatkan maklumat dengan lebih mudah dan pantas, bahkan kadang mereka menggunakan gajet untuk mendaftar akaun di media sosial yang berbeza semata-mata mengikuti trend dan berita dalam talian dari masa ke semasa. Peningkatan aktif masyarakat terhadap media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram*, dan lain-lain dapat berisiko pada gejala buli siber terutama dalam kalangan pelajar. Buli siber (*cyberbully*) merupakan jenayah siber yang kerap berlaku di negara ini, mangsanya adalah daripada kalangan belia dan juga orang dewasa. Satu laporan dari UNICEF (*United Nations International Children's Emergency Fund*), menyatakan bahawa Malaysia merupakan negara ke-2 di Asia yang mengalami jumlah kes buli siber terbanyak di kalangan remaja pada tahun 2021 (Ayub, 2022).

Berdasarkan laporan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hamzah Zainudin menyatakan bahawa kes jenayah siber meliputi buli siber, pemalsuan, pencerobohan, memancing data dan penipuan e-mel (Abdullah Sani, 2022). Dalam laporan tersebut beliau juga menyatakan bahawa jumlah kes jenayah siber telah meningkat kepada kurang lebih 20,000 kes pada tahun 2021, iaitu dua kali ganda berbanding tahun lalu dan hal ini telah membabitkan kes buli siber dan kes-kes jenayah lain (Abdullah Sani, 2022). Peningkatan kes buli siber bukan sahaja disebabkan oleh kecanggihan teknologi yang berlaku dalam dekad ini, tetapi pandemik COVID-19 juga menyumbang kepada penggunaan media sosial secara meluas disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diisytiharkan dan dikuatkuasakan untuk seluruh Malaysia. Hal ini memupuk sikap buruk dalam kalangan remaja dan juga dewasa ketika memberi pendapat masing-masing di platform media sosial, akhirnya menimbulkan buli siber. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab menyatakan secara umumnya mangsa tidak mengenali individu yang membuli kerana konsep tanpa nama (anonymity) disediakan melalui internet (Faisal, 2022).

Dari perspektif perubahan, kemurungan adalah penyakit yang mengakibatkan perasaan sedih dalam tempoh yang panjang lambat laun akan mempengaruhi kesihatan mental. Gangguan mood, depresi, mudah marah, kehilangan minat atau kehilangan keseronokan. Selain itu perubahan berat badan yang signifikan atau kehilangan selera makan, kesukaran tidur, kerencatan psikomotor, keletihan, rasa diri tidak bernilai, sukar untuk memberi tumpuan dan keinginan untuk bunuh diri adalah kriteria kemurungan yang telah disenaraikan dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder-5 (DSM-5)* (Aziz *et al.*, 2021). Menurut laman web WHO (*World Health Organization*) atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang ditulis pada 30 Januari 2020, kemurungan diklasifikasikan sebagai gangguan psikologi yang mempunyai frekuensi keberlakuan yang paling tinggi dan sedang berleluasa di kebanyakan negara di dunia. Misalnya, sekiranya seseorang individu yang mengalami kemurungan tidak mendapatkan rawatan yang sepatutnya maka individu itu akan menghadapi tekanan emosi yang kerap sehingga hilang kawalan diri dan mengakibatkan bunuh diri (Ahmad Nazri & Wan Sulaiman, 2021). Penyalahgunaan media sosial adalah salah satu punca yang menyebabkan isu-isu siber buli dan gangguan psikologi terutamanya dalam kalangan mahasiswa. Fenomena siber buli telah memberi

implikasi yang sangat negatif terutamanya dari segi emosi dan ia membawa kepada isu psikologi. Hal ini berlaku kerana emosi mangsa buli akan terjejas sehingga mereka mengalami kesedihan, kemurungan, ketakutan, tekanan melampau dan kemarahan. Mereka juga akan berasa rendah diri kerana harga diri mereka dipijak-pijak dan seterusnya memberi kesan fizikal seperti masalah gangguan sukar tidur dan sebagainya (Che Awang & Alavi, 2020).

Di samping itu, golongan remaja merupakan golongan yang lebih mudah terdedah kepada kemurungan berbanding dengan warga emas ataupun kanak-kanak atas sebab kekerapan mereka menggunakan sosial media. Mengikut kajian Prihatiningsih (2017), majoriti pengguna sosial media seperti Instagram misalnya terdiri daripada golongan muda yang berpendidikan serta mempunyai kedudukan kehidupan yang stabil. Ini dapat disamakan dengan situasi mahasiswa Malaysia kerana mereka masih tidak mempunyai beban yang berat dan mempunyai masa luang untuk dihabiskan dalam alam maya. Seterusnya, 80.1% daripada pengguna sosial media berumur 15 tahun dan ke atas lebih kerap berbanding dengan tahun 2015 (Suhaniya & Mohamad Fauzi, 2019). Dengan merujuk kepada kedua-dua laporan ini, kita dapat tahu bahawa remaja merupakan golongan yang paling aktif dalam penggunaan sosial media. Oleh itu, risiko berhadapan dengan isu fitnah, isu buli, boikot dan hina menghina adalah lebih tinggi berbanding golongan lain.

TINJAUAN LITERATUR

Pada masa kini, remaja yang mengalami buli dianggap sebagai isu kesihatan awam global kerana perkembangan psikologi remaja yang selalunya berterusan sehingga dewasa. Walaupun kejadian kes buli siber kerap berlaku di sekeliling kita tetapi implikasinya kurang diperhatikan oleh masyarakat. Antara implikasi yang banyak berlaku adalah kemurungan, terdapat beberapa kajian telah dijalankan sebelum ini iaitu kajian yang bertajuk "*The effects of cyberbullying victimization on depression and suicidal ideation among adolescents and young adults: a three year cohort study from India*" menyatakan bahawa remaja yang mengalami buli siber akan berisiko tinggi untuk mengalami masalah mental, perasaan kesunyian, kemurungan dan keinginan untuk membunuh diri (Maurya *et al.*, 2022). Selain itu, kajian yang bertajuk buli siber dan implikasinya terhadap emosi dalam kalangan murid sekolah menengah yang dikaji oleh Ismail *et al.* (2021) mendapati bahawa gejala buli siber adalah pada tahap yang rendah iaitu 2.07, bahkan analisis korelasi antara gejala buli siber dengan emosi pelajar adalah tidak signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa gejala buli siber di kalangan responden hanya terdapat pada kelompok kecil sahaja.

Dalam kajian Nazri dan Sulaiman (2021) yang bertajuk *Hubungan di Antara Gaya Perapatan, Orientasi Keagamaan dan Kemurungan di Kalangan Pelajar IPT*, mendapati bahawa buli siber bukan satu-satunya faktor yang menyebabkan kemurungan di kalangan mahasiswa/i tetapi boleh jadi disebabkan kurangnya hubungan dengan orang tua dan pegangan agama yang lemah. Sekiranya seorang individu mempunyai hubungan yang rapat dengan orang tua serta pegangan agama yang kuat, maka mereka akan berfikiran rasional dan bertindak matang dalam menempuhi masalah buli siber. Dalam kajian Noh dan Ibrahim (2014) yang bertajuk *Kajian Penerokaan Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar UMT*, mendapati bahawa buli siber berlaku pada tahap yang sederhana dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Selain itu, kajian ini juga memberi kaedah pencegahan dan cadangan program untuk mengatasi buli siber dalam kalangan pelajar. Berdasarkan dapatan kajian Abaido pada tahun 2019, buli siber dianggap sebagai salah satu potensi yang berisiko kepada pengguna teknologi dalam talian. Ia dianggap sebagai salah satu contoh penyalahgunaan teknologi dalam dekad yang lalu kerana kesannya kadangkala dapat membawa kematian.

Buli siber merupakan bentuk konkrit buli yang dilakukan secara tidak langsung dengan menggunakan peranti teknologi. Walau bagaimanapun, buli siber ialah masalah sosial yang melibatkan gangguan, ugutan, buli dan keagresifan yang tidak wajar dilakukan melalui penggunaan peranti digital oleh seseorang atau kumpulan terhadap orang lain (mangsa), tetapi kesan gangguannya kekal dan tersebar secara berterusan (Grigg, 2010). Menurut kajian Awang dan Alavi (2019) yang bertajuk *Buli*

Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM. Dalam kajian ini, seramai 5 responden dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah dipilih dengan menggunakan method persampelan bertujuan atau *purposive sampling* untuk menjalankan temubual. Dapatan kajian menunjukkan gangguan emosi, kemurungan, kecenderungan untuk membunuh diri, kesedihan yang berlebihan, ketakutan dan perasaan marah yang tidak terkawal adalah lima kesan utama bagi isu buli siber. Justeru, kajian ini telah mencadangkan pihak universiti untuk mengadakan program intervensi yang sesuai dan melibatkan pekerja sosial dalam penyelesaian kes buli siber di Bahagian Kaunseling Siswa, UKM.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Karsodikromo *et al.* (2022) yang bertajuk *Implikasi Buli Siber, Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan terhadap Pencapaian Akademik Murid* telah mengkaji implikasi buli siber terhadap lima orang murid mangsa buli siber melalui method soal selidik. Hasil dapatan mendapati mereka mempunyai tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan yang berlebihan. Implikasi kes buli termasuk tekanan, mudah tersinggung, bertindak keterlaluan, kesedihan, menyalahkan diri, merasa tidak dihargai, kecewa dan putus harapan, keinginan membunuh diri, malu, gangguan perasaan, bimbang dan takut, memendam perasaan, kurang yakin diri, kemarahan, hilang semangat dan tidak fokus dalam kelas. Secara ringkas, kajian ini membuktikan bahawa kes buli siber boleh mengakibatkan implikasi buruk dari aspek emosi, psikologi dan fizikal. Oleh itu, pihak pendidikan perlu mengambil tindakan untuk memulihkan keadaan mangsa buli siber dan merangka cara untuk mengelakkan isu buli siber dalam kalangan pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, jenis kajian yang akan dijalankan ialah kaedah kuantitatif dengan analisis deskriptif untuk mengetahui hubungan antara satu variabel dengan variabel yang lain serta mengetahui jumlah min dan sisihan piawai bagi setiap variabel. Pendekatan yang digunakan ialah (*Cross Sectional*) iaitu penelitian dilakukan dengan mengukur dan mengamati dalam waktu bersamaan antara kejadian buli siber dan kemurungan dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Pagoh. Kaedah kajian kuantitatif ini sesuai untuk mengkaji kekerapan pengalaman situasi buli siber serta kekerapan pengalaman kemurungan yang dialami oleh pelajar UTHM dengan merumuskan data ke dalam bentuk nilai frekuensi (kekerapan). Data primer merupakan data yang berasal daripada sumber asli (Rohana Yusof, 2004). Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji mengumpul data primer dengan mengedarkan borang soal selidik yang direka dalam bentuk digital (*Google Form*). Borang soal selidik disebarkan melalui sosial media seperti *WhatsApp*, *Instagram*, *Telegram*, *WeChat* dan *Messenger* kepada pelajar UTHM daripada 7 November 2022 hingga 10 December 2022.

Kejadian buli siber dalam kalangan pelajar UTHM, kadar kemurungan, cara mengatasi kemurungan disebabkan buli siber dan hubungan antara buli siber dengan kemurungan pelajar telah diuji. Jumlah populasi pelajar tahun satu di UTHM pada tahun 2022 diperkirakan kurang lebih 1500 orang. Saiz sampel sebanyak 303 orang dipilih berdasarkan cadangan jadual oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel kajian terdiri daripada 303 orang pelajar iaitu seramai 147 orang pelajar lelaki dan 156 orang pelajar perempuan. Disebabkan pelajar UTHM pada zaman ini terdedah dengan persekitaran yang kaya media dan mereka kerap menggunakan media sosial, maka mereka merupakan golongan fokus untuk kajian ini. Pengambilan sampel pada kajian ini iaitu teknik simple random sampling. Teknik pengambilan sampel rawak ini dilakukan dengan mengundi anggota populasi (*lottery technique*). Persampelan rawak digunakan untuk mengelakkan bias dalam pengutipan data dalam kajian ini.

Dalam *Google Form* yang direka untuk kajian ini, ianya merangkumi empat bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, D dan E. Dalam Bahagian A, tujuh soalan data demografi responden diukur menggunakan skala nominal. Kandungan soalan dalam Bahagian A terdiri daripada jantina, umur, bangsa, agama, tahap pengajian dan fakulti responden akan dikutip. Bahagian B dan bahagian C menggunakan lima skala likert yang mana skala 1 mewakili Tidak Pernah, skala 2 mewakili Jarang, skala 3 mewakili Kadangkala, skala 4 mewakili Kerap dan skala 5 mewakili Sangat Kerap. Bahagian B mengandungi sembilan soalan yang mengkaji kejadian buli siber dalam kalangan pelajar UTHM

manakala bahagian C mempunyai lima soalan yang direka untuk mengumpul maklumat tentang tahap kemurungan dalam kalangan pelajar. Enam soalan yang berkaitan dengan tindakan pelajar untuk mengatasi kemurungan disebabkan buli siber dikutip dalam bahagian bahagian D. Lima skala likert juga digunakan dalam bahagian ini, di mana skala 1 ialah Sangat Tidak Setuju, skala 2 ialah Tidak Setuju, skala 3 ialah Sederhana, skala 4 ialah Setuju, skala 5 ialah Sangat Setuju. Bahagian E pula menyatakan hubungan antara kejadian buli siber dengan kemurungan dan hanya terdapat 2 skala sahaja iaitu skala 1 pernah, skala 2 tidak pernah. Selepas *Google Form* dijawab oleh responden, data dimasukkan dalam Microsoft Excel untuk dianalisis dengan menggunakan SPSS 2.3. SPSS merupakan paket program aplikasi komputer yang digunakan di dalam kajian ini untuk menganalisis data statistik dengan pembentangan dapatan kajian dalam bentuk analisis deskriptif dan *Chi-Square*.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Untuk bahagian dapatan kajian, pengkaji menganalisis data yang didapati daripada *Google Form* dengan membina jadual yang mengandungi nilai-nilai seperti frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Maklumat tentang demografi responden, kekerapan kejadian buli siber dalam kalangan pelajar UTHM, tahap kemurungan serta tindakan mengatasi kemurungan ditunjukkan di bahagian A, B, C dan D. Untuk Bahagian B, C dan D, nilai skor min dikira untuk analisis kekerapan perlakuan siber buli, kekerapan berlakunya kemurungan dan tahap setuju dengan cara penyelesaian masing-masing. Skala likert yang digunakan dalam borang soal selidik ialah 1 - Tidak Pernah (TP), 2 - Jarang (J), 3 - Kadangkala (KK), 4 - Kerap (K), 5 - Sangat Kerap (SK) untuk kedua-dua Bahagian B dan C manakala 1 - Sangat Tidak Setuju (STS), 2 - Tidak Setuju (TS), 3 - Sederhana (SD), 4 - Setuju (S), 5 - Sangat Setuju (SS) digunakan dalam Bahagian D. Seterusnya, kekerapan skala likert diubahsuai dan digunapakai dengan skor min 1.00 hingga 2.40 adalah Tidak Pernah, 2.41 hingga 3.80 adalah Kadangkala dan skor min 3.81 hingga 5.00 adalah Kerap (Weirisma, 1995).

Bahagian A: Data Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden dan jantina, umur, bangsa, agama, tahap pengajian dan fakulti responden telah ditaburkan. Dari sampel tersebut, perempuan merupakan golongan yang lebih ramai berbanding dengan lelaki, jumlah responden perempuan ialah 156 orang atau 51.5% manakala lelaki terdapat 147 orang ataupun 48.5%. Seterusnya, golongan umur yang tertinggi adalah terdiri daripada 19 ke 24 tahun ($n=278$, 91.7%) dan tiada responden ($n=0$, 0%) terdiri daripada 32 tahun dan ke atas. Majoriti responden dalam kajian ini adalah daripada bangsa Cina iaitu seramai 138 (45.5%) orang pelajar. Responden yang memilih lain-lain mempunyai 9 orang, iaitu hanya 3% daripada jumlah responden dalam kajian ini. Selanjutnya, majoriti responden beragama Islam (129 orang), iaitu 42.6% dari seluruh sampel responden dalam kajian ini. Responden yang beragama Hindu adalah terendah dalam kajian ini ($n=22$, 7.3%). Kebanyakan responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda (*Degree*), iaitu seramai 82.2% atau 249 orang pelajar manakala pelajar Doktor Falsafah (*PhD*) adalah kosong ($n=0$, 0%). Majoriti pelajar dalam kajian iaitu 125 orang pelajar (41.3%) merupakan pelajar dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) manakala sebanyak 1.7% ($n=5$) orang pelajar dari Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV). Oleh itu, jadual di bawah boleh dirujuk untuk kefahaman yang lebih terperinci.

Jadual 1 Taburan Demografik Responden

Latar Belakang Responden	Maklumat	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	147	48.5
	Perempuan	156	51.5
Umur	18 tahun ke bawah	18	5.9
	19-24 tahun	278	91.7
	25-31 tahun	7	2.3
	32 tahun dan ke atas	0	0
Bangsa	Melayu	128	42.2
	India	28	9.2
	Cina	138	45.5
	Lain-lain	9	3
Agama	Islam	129	42.6
	Hindu	22	7.3
	Buddha	94	31
	Lain-lain	58	19.1
Tahap Pengajian	Diploma	48	15.8
	Ijazah Sarjana Muda (Degree)	249	82.2
	Ijazah Sarjana (Master)	6	2
	Doktor Falsafah (PhD)	0	0
Fakulti	Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST)	125	41.3
	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	57	18.8
	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS)	11	3.6
	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE)	19	6.3
	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP)	16	5.3
	Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV)	5	1.7
	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)	11	3.6
	Pusat Pengajian Diploma (PPD)	40	13.2

Bahagian B: Kejadian Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar UTHM

Jadual 2 menunjukkan jumlah bilangan pemerhatian, min, sisihan piawai dan petunjuk kekerapan bagi setiap soalan yang ditanya dalam Bahagian B. Dalam bahagian ini, min yang paling tinggi ialah 1.81 iaitu “Maklumat sulit dan peribadi anda disebar oleh orang lain tanpa keizinan”. Manakala min yang paling rendah ialah 1.41 yang bermaksud majoriti pelajar UTHM tidak pernah menyebarkan gambar atau video seseorang yang tidak senonoh di media sosial. Seterusnya, jumlah min keseluruhan ialah 1.65 yang menunjukkan bahawa kes buli siber di UTHM berlaku pada tahap rendah dan tidak pernah. Jadual di bawah menunjukkan pengumpulan data untuk kekerapan kejadian buli siber dalam kalangan responden.

Jadual 2 Kejadian Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar UTHM

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap
		TP	JJ	KK	K	SK			
1	Akaun sosial media anda disalahgunakan oleh seseorang untuk menghina orang lain.	178 (58.7%)	66 (21.8%)	25 (8.3%)	24 (7.9%)	10 (3.3%)	1.75	1.108	Tidak Pernah
2	Maklumat sulit dan peribadi anda disebarkan oleh orang lain tanpa keizinan.	166 (54.8)	67 (22.1)	40 (13.2)	22 (7.3)	8 (2.6)	1.81	1.084	Tidak Pernah
3	Anda diboikot oleh orang lain dengan sengaja dalam kumpulan itu dalam talian.	167 (55.1)	71 (23.4)	33 (10.9)	22 (7.3)	10 (3.3)	1.80	1.101	Tidak Pernah
4	Gambar dan video peribadi anda disebarkan dalam sosial media tanpa kebenaran seseorang.	174 (57.4)	72 (23.8)	31 (10.2)	18 (5.9)	8 (2.6)	1.73	1.039	Tidak Pernah
5	Anda pernah menyebarkan gosip dan khabar angin yang dapat menjatuhkan maruah orang lain.	182 (59.7)	70 (23.1)	38 (12.5)	9 (3)	5 (1.7)	1.64	0.928	Tidak Pernah
6	Anda pernah menyamar seseorang dengan menggunakan akaun palsu untuk menghina orang lain.	223 (73.6)	38 (12.5)	29 (9.6)	8 (2.6)	5 (1.7)	1.46	0.894	Tidak Pernah
7	Anda pernah menyebarkan maklumat sulit dan peribadi orang lain tanpa kebenaran individu yang berkenaan.	214 (70.6)	47 (15.5)	24 (7.9)	14 (4.6)	4 (1.3)	1.51	0.920	Tidak Pernah
8	Anda pernah mengabaikan seseorang secara sengaja dalam kumpulan itu dalam talian.	174 (57.4)	66 (21.8)	37 (12.2)	18 (5.9)	8 (2.6)	1.75	1.054	Tidak Pernah
9	Anda pernah menyebarkan gambar atau video seseorang yang tidak senonoh di media sosial.	229 (75.6)	40 (13.2)	21 (6.9)	9 (3)	4 (1.3)	1.41	0.849	Tidak Pernah
Jumlah min keseluruhan : 1.65									

Seperti yang dinyatakan di atas, min yang paling tinggi ialah 1.81. Soalan kedua dalam bahagian ini mendapat skor nilai min yang paling tinggi, tetapi kekerapan perlakuan ini masih berada pada tahap kekerapan ‘Tidak Pernah’. Dalam erti kata lain, majoriti pelajar UTHM tidak pernah mengalami kes penyebaran maklumat sulit dan peribadi oleh orang lain tanpa keizinan. Hal ini kerana lebih ramai pelajar pada zaman sekarang mendapat peluang untuk mempelajari dan menerapkan pengajian moral dalam kehidupan harian. Selain itu kesibukan untuk belajar dan aktiviti kokurikulum membuatkan pelajar tiada masa untuk menggodam media sosial orang lain. Kejadian buli siber itu tidak dinafikan akan berlaku dikalangan pelajar, cuma tahap kejadiannya tidak teruk dan membimbangkan.

Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, para pelajar mulai daripada pendidikan prasekolah hingga ke universiti wajib mengambil subjek pendidikan akhlak dan moral dan harus lulus subjek ini (Jidin R., 2013). Justeru, para pelajar ditekankan mempunyai asas pendidikan moral yang kukuh dan secara langsung mengamalkan sikap baik pada sesama, oleh itu tindakan untuk menyebarkan maklumat sulit orang lain tanpa kebenaran masih tidak diminati oleh pelajar, kerana nilai saling hormat-menghormati diterapkan dalam sanubari mereka. Seterusnya, soalan kesembilan di Bahagian B mendapat skor min paling rendah iaitu nilai 1.41. Hal ini menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini hormat privasi orang lain dengan tidak menyebarkan gambar atau video orang lain yang tidak senonoh di media sosial. Dapatan ini disokong melalui kajian Sitepu (2014) yang menyatakan bahawa pengguna media sosial haruslah menerapkan nilai dan etika apabila menggunakan kemudahan media sosial.

Bahagian C: Kadar Kemurungan Dalam Kalangan Pelajar UTHM

Jadual 3 menunjukkan jumlah bilangan pemerhatian, min, sisihan piawai dan petunjuk kekerapan bagi setiap soalan yang ditanya dalam Bahagian C. Dalam bahagian ini, min yang paling tinggi ialah 2.79 dan item yang dapat skor ini ialah ‘Anda kurang daya tumpuan dan ingatan’. Manakala min yang paling rendah ialah 2.43 dan item yang dapat skor ini ialah ‘Anda hilang selera makan dan penurunan berat badan.’ Seterusnya, jumlah min keseluruhan ialah 2.60 yang menunjukkan bahawa kadar kemurungan dalam kalangan mahasiswa UTHM pada kekerapan kadang-kala. Jadual di bawah menunjukkan pengumpulan data untuk kadar kemurungan dalam kalangan pelajar UTHM.

Jadual 3 Kadar Kemurungan Dalam Kalangan Pelajar UTHM

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawai	Kadar
		TP	J	KK	K	SK			
1	Anda hilang minat atau keseronokan terhadap hobi.	69 (22.8)	91 (30)	71 (23.4)	59 (19.5)	13 (4.3)	2.53	1.165	Kadangkala
2	Anda hilang selera makan dan penurunan berat badan.	80 (26.4)	87 (28.7)	82 (27.1)	33 (10.9)	21 (6.9)	2.43	1.188	Kadangkala
3	Anda mudah cemas atau fobia.	68 (22.4)	65 (21.5)	88 (29)	62 (20.5)	20 (6.6)	2.67	1.216	Kadangkala
4	Anda kurang daya tumpuan dan ingatan.	65 (21.5)	59 (19.5)	87 (28.7)	60 (19.8)	32 (10.6)	2.79	1.278	Kadangkala
5	Anda tidak mempunyai harapan untuk masa depan.	79 (26.1)	83 (27.4)	67 (22.1)	41 (13.5)	33 (10.9)	2.56	1.303	Kadangkala
Jumlah min keseluruhan: 2.60									

Daripada 5 item yang disenaraikan, simptom kurang daya tumpuan dan ingatan mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 2.79. Hal ini kerana kemurungan akan mengganggu fungsi berfikir dan menyebabkan daya tumpuan dan kemampuan pelajar dalam belajar. Emosi dan mental yang stabil dapat meningkatkan daya ingatan dan tumpuan seseorang dalam menjalankan aktiviti harian (Ab Razak *et al.*, 2022). Simptom hilang selera makan dan penurunan berat badan iaitu 2.43. Hal ini berpunca daripada kecenderungan pelajar untuk menekan diri semasa mendapat keputusan yang baik dan mencapai standard yang ditetapkan oleh universiti sehingga memberi kesan kepada diri sendiri.

Tekanan yang berlebihan boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti tiada selera makan, murung dan sebagainya (Safe & Mohd Nor, 2016). Min keseluruhan dalam dapatan ini iaitu 2.60 menunjukkan bahawa kadar kemurungan dan simptom-simptom kemurungan yang dialami oleh pelajar UTHM berada pada kekerapan kadang-kala. Ertinya kemurungan yang dialami oleh pelajar kadangkala berpunca daripada buli siber walaupun tidak sering berlaku. Namun terdapat juga faktor lain yang menyebabkan pelajar murung seperti masalah kewangan, hubungan yang renggang dengan orang tua dan teman, target yang diinginkan dalam pembelajaran tidak tercapai dan sebagainya.

Bahagian D: Tindakan Pelajar UTHM Mengatasi Kemurungan

Jadual 4 menunjukkan jumlah bilangan pemerhatian, min, sisihan piawai dan petunjuk kekerapan bagi setiap soalan yang ditanya dalam Bahagian D. Dalam bahagian ini, min yang paling tinggi iaitu mendapat nasihat daripada ahli keluarga atau saudara ialah 4.20 manakala min yang paling rendah iaitu mendiamkan diri ialah 2.52 dan jumlah min keseluruhan ialah 3.82.

Jadual 4 Tindakan Pelajar UTHM Mengatasi Kemurungan

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap
		STS	TS	SD	S	SS			
1	Membuat laporan polis	14 (4.6)	14 (4.6)	58 (19.1)	90 (29.7)	127 (41.9)	4.00	1.102	Tinggi
2	Mendapat nasihat daripada ahli keluarga / saudara	5 (1.7)	15 (5)	49 (16.2)	82 (27.1)	152 (50.2)	4.20	0.988	Tinggi
3	Mendapat bantuan daripada kaunselor secara atas talian	11 (3.6)	15 (5)	57 (18.8)	80 (26.4)	140 (46.2)	4.07	1.084	Tinggi
4	Mengadu dengan kawan / rakan sekelas	9 (3)	18 (5.9)	53 (17.5)	86 (28.4)	137 (45.2)	4.07	1.064	Tinggi
5	Mendapat bantuan / nasihat daripada Organisasi Bukan Kerajaan seperti Befrienders	12 (4)	12 (4)	52 (17.2)	90 (29.7)	137 (45.2)	4.08	1.066	Tinggi
6	Mendiamkan diri	112 (37)	52 (17.2)	55 (18.2)	37 (12.2)	47 (15.5)	2.52	1.473	Sederhana
Jumlah min keseluruhan : 3.82									

Berdasarkan jadual 4, min yang tertinggi adalah mendapat nasihat daripada ahli keluarga ataupun saudara iaitu 4.20. Hal ini kerana keluarga adalah orang terdekat serta sentiasa ada untuk semua ahlinya sehingga dapat menjaga keselamatan fizikal dan sokongan material, dan tanpa diragui ianya adalah penawar yang paling berkesan untuk kesunyian, dan pengabaian yang tidak seimbang, menyumbang kepada kesihatan fizikal, mental dan kemurungan (Runcan, 2012). Selain itu, berdasarkan kajian Arató pada tahun 2021, komunikasi keluarga memainkan peranan penting dalam mencegah buli siber, sama ada dari segi perlakuan dan penganiayaan. Komunikasi keluarga yang positif, terbuka dan empati nampaknya menjadi faktor perlindungan dan mengurangkan risiko penglibatan dalam tingkah laku buli

siber. Di sebaliknya, skor min yang terendah dalam jadual ini adalah mendiamkan diri iaitu 2.52. Berdasarkan kajian Randle pada tahun 2003, menyatakan bahawa ramai jururawat menjadi mangsa buli tetapi berdiam diri. Satu pertiga daripada jururawat mengalami sakit jangka panjang akibat buli akhirnya meninggalkan profesi mereka berbanding 16% jururawat yang tidak mengalami buli. Hal ini menunjukkan ramai orang masih memilih mendiamkan diri setelah dibuli sedangkan perkara tersebut haruslah dielakkan, dan dalam kajian ini menyatkan bahawa majoriti responden tidak setuju untuk mendiamkan diri. Seterusnya, daripada kajian MacMahon pada tahun 2018, majoriti responden tidak selesa menyuarakan tingkah laku buli melalui mekanisme yang tidak diketahui identitinya untuk pekerja yang menghadapi buli di tempat kerja. Tanpa mekanisme ini, tiada sesiapa akan tahu buli sedang berlaku di kalangan pekerja. Justeru, ini membuktikan bahawa pentingnya menyuarakan kes buli siber yang dialami bagi mengelakkan masalah mental yang lebih teruk.

Bahagian E: Hubungan kejadian buli siber dengan kemurungan dalam kalangan pelajar UTHM Pagoh

Berdasarkan jadual 5 di bawah dapat diketahui bahawa kemurungan yang dialami oleh pelajar dengan sebab kejadian buli siber lebih rendah iaitu seramai 79 orang (25.6) berbanding dengan pelajar yang tidak mengalami buli siber iaitu seramai 82 orang (26.6), ertinya kemurungan yang dialami oleh pelajar UTHM Pagoh tidak semuanya berpunca daripada buli siber, namun terdapat punca lain seperti masalah kewangan, stress dengan banyaknya tugas kuliah, hubungan yang renggang dengan orang tua dan teman, target yang diinginkan dalam pembelajaran tidak tercapai dan sebagainya. Berdasarkan nilai uji statistik antara kejadian buli siber dengan kemurungan pelajar diperoleh $p\text{ value} = (0.003) p < 0.05$ ertinya terdapat hubungan yang signifikan antara kejadian buli siber dengan kemurungan pelajar dengan nilai $OR = 0.497$ ertinya peluang kemurungan dialami pelajar disebabkan buli siber lebih tipis atau sedikit berbanding dengan punca lain. Daripada hasil kajian ini juga dapat diketahui bahawa terdapat hubungan yang kuat antara buli siber dengan kemurungan, hal ini tidak kita nafikan sepertimana kajian yang pernah dilakukan oleh Noorhasy Taqillah, (2021) dan kajian oleh Aini dan Apriani (2019). Kedua dua kajian ini menyatakan bahawa setiap kejadian buli siber mesti memberi impak kemurungan bagi mangsa buli. Namun dalam kajian ini kemurungan yang dialami oleh pelajar UTHM Pagoh tidak sepenuhnya berpunca daripada buli siber bahkan ianya sedikit berbanding punca lain.

Jadual 5 Hubungan kejadian buli siber dengan kemurungan dalam kalangan pelajar UTHM Pagoh

Kejadian Buli siber	Kemurungan				Jumlah		<i>p value</i>	OR
	Murung		Tidak Murung		N	%		
	N	%	N	%				
Mengalami	79	25.6	97	31.5	176	57.1	0.0003	0.497
Tidak Mengalami	82	26.6	50	16.2	132	42.9		
Jumlah	161	52.3	147	47.7	308	100		

KESIMPULAN

Kejadian buli siber yang berlaku melalui media elektronik dapat menimbulkan kemudaratan atau ketidakselesaan pada seseorang terutama aspek kemurungan. Melalui kajian kes yang dijalankan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dapat diketahui bahawa kejadian buli siber yang dialami oleh pelajar adalah pada tahap yang rendah dan kadar kemurungan pula hanya sedikit berlaku. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kemurungan yang terjadi dikalangan pelajar UTHM bukan disebabkan buli siber tetapi ada faktor-faktor lain. Walaupun terdapat hubungan yang signifikan antara kejadian buli siber dengan kemurungan namun peluang kemurungan dialami pelajar akibat buli siber lebih tipis atau sedikit berbanding punca lain. Selain itu, tahap kesedaran pelajar untuk mengatasi kemurungan adalah tinggi, oleh itu kes buli siber tidak boleh dipandang sebelah mata dan perlu ada tindakan yang pantas daripada pelbagai pihak sama ada individu, orang tua dan juga pihak universiti

agar kes buli siber ini tidak menjalar dikalangan pelajar, memandangkan pelajar adalah tonggak masa depan negara.

RUJUKAN

- Abaido, G. M. (2019). *Cyberbullying on social media platforms among university students in the United Arab Emirates*. *International Journal of Adolescence and Youth*, 25(1), 1–14. <https://doi.org/10.1080/02673843.2019.1669059>
- Abdullah Sani, A.S (2022). *Keratan akhbar pilihan: Jenayah siber meningkat kepada 20,000 pada 2021*. Retrieved : December 26, 2022. From : <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2022/03/29/keratan-akhbar-pilihan-jenayah-siber-meningkat-kepada-20-000-pada-2021---mdn>
- Ab Razak, H., Abidin, L. Z., & Sallam, A. M. S. (2022). *Pendekatan Psikoterapi Islam dalam Merawat Kemurungan Wanita Muslimah*. *Jurnal Pengajian Islam*, 83–59. <http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/187>
- Aini, K., & Apriana, R. (2019). *Dampak Cyberbullying Terhadap Depresi Pada Mahasiswa Prodi Ners*. *Jurnal Keperawatan Jiwa*, 6(2), 91. <https://doi.org/10.26714/jkj.6.2.2018.91-9>.
- Ahmad Nazri, M. Q. N.-R., & Wan Sulaiman, W. S. (2021). *Hubungan di Antara Gaya Perapatan, Orientasi Keagamaan dan Kemurungan di Kalangan Pelajar IPT*. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(4), 1–15. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/427>
- Arató, N., Zsidó, A. N., Rivnyák, A., Péley, B., & Lábadi, B. (2021). *Risk and Protective Factors in Cyberbullying: the Role of Family, Social Support and Emotion Regulation*. *International Journal of Bullying Prevention*. <https://doi.org/10.1007/s42380-021-00097-4>
- Asmin, A. (2022). *Kes jenayah siber meningkat sekali ganda tahun lalu*. Retrieved : December 26, 2022, From: <https://www.sinarharian.com.my/article/215887/berita/nasional/kes-jenayah-siber-meningkat-sekali-ganda-tahun-lalu>
- Awang, S. binti C., & Alavi, K. (2019). *Cyber Bully: Emotional Impact among UKM students*. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 1(4), 83–94. <https://doi.org/10.46754/UMTJUR.V1I4.95>
- Ayub, A. K. bin M. (2022). *Buli Siber : Malaysia Kedua Tertinggi di Asia*. Retrieved : December 26, 2022, from: <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my/2022/03/15/4866>.
- Aziz, A. R. B. A., Kasmani, M. F. Bin, & Razak, N. H. B. A. (2021). *Implikasi Ketagihan Media Sosial Terhadap Kesehatan Mental Remaja Semasa Pandemik Covid-19*. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(8). <http://journalarticle.ukm.my/19000/1/51790-169781-1-SM.pdf>
- Che Awang, S., & Alavi, K. (2020). *Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM*. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1–9. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/364>
- Faisal , M. A. (2022). *Kes Buli Siber Bukti Masyarakat Hilang Adab*. Retrieved : December 26, 2022, From: <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/08/984147/kes-buli-siber-bukti-masyarakat-hilang-adab>.
- Grigg, D. W. (2010). *Cyber-Aggression: Definition and Concept of Cyberbullying*. *Australian Journal of Guidance and Counselling*, 20(2), 143–156. <https://doi.org/10.1375/ajgc.20.2.143>
- Jidin R. (2013). *Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 : Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah*. From Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Karsodikromo, Y., Hussin, M. R., & Razali, A. R. (2022). *Implikasi Buli Siber, Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan terhadap Pencapaian Akademik Murid*. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(3), 129–139. <https://doi.org/10.36079/LAMINTANG.JHASS-0403.439>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Scitivities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- MacMahon, J., O’Sullivan, M., Murphy, C., Ryan, L., & MacCurtain, S. (2018). *Speaking Up Or Staying Silent In Bullying Situations: The Significance Of Management Control*. *Industrial Relations Journal*, 49(5-6), 473–491. <https://doi.org/10.1111/irj.12230>
- Maurya, C., Muhammad, T., Dhillon, P., & Maurya, P. (2022). *The Effects of Cyberbullying Victimization on Depression And Suicidal Ideation Among Adolescents And Young Adults: A Three Year Cohort Study From India*. From *BMC Psychiatry*, 22(1). <https://doi.org/10.1186/s12888-022-04238-x>
- Mustafa Z. (n.d.). *Kemurungan. From Ministry of Health (MOH)*. Retrieved : December 26, 2022, from: https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/NCD/Kesihatan%20Mental/Kemurungan_-_Apa_Yang_Anda_Perlu_Tahu.pdf
- Noh, C. H. C., & Ibrahim, M. Y. (2014). *Kajian Penerokaan Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar UMT*. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 323–329. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.255>

- Prihatiningsih, W. (2017). *Motif Penggunaan Media Sosial Instagram Di Kalangan Remaja*. Journal of Communication, 8(1), 51. <https://doi.org/10.36080/comm.v8i1.651>
- Randle, J. (2003). *Bullying in the Nursing Profession*. Journal of Advanced Nursing, 43(4), 395–401. <https://doi.org/10.1046/j.1365-2648.2003.02728.x>
- Riswanto, D., & Marsinun, R. (2020). *Perilaku Cyberbullying Remaja di Media Sosial*. Analitika, 12(2), 98–111. <https://doi.org/10.31289/analitika.v12i2.3704>
- Runcan, P. L. (2012). *Elderly Institutionalization And Depression*. Procedia-Social and Behavioral Sciences, 33, 109–113. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.01.093>
- Safe, S. N., & Mohd Nor, A. Y. (2016). *Pengurusan Stres Menurut Al-Quran dan Hadith*. Al-Hikmah, 8(1). <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/150>
- Sitepu, Y. S. (2017). *Persepsi Mahasiswa Fisip Universitas Sumatera Utara Mengenai Netiket Di Dunia Maya*. Social Polites, 15(1), 85–104. <https://doi.org/10.33541/sp.v15i1.443>
- Suhaniya, K., & Mohamad Fauzi, S. (2019). *Kawalan Ibu Bapa terhadap Anak-Anak dalam Penggunaan Media Sosial*. Akademika, 89(1), 111–124. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/akad-2019-8901-09>
- Taqillah, N. (2021). *Pengaruh Cyberbullying Terhadap Depresi Pada Remaja di SMAN 2 Lubuk Linggau*, Skripsi, Fakultas Kedokteran Universitas Sriwijaya, Palembang.